

**Yang Dipertua Dewan Negara Dan Dewan Rakyat Hadir Persidangan CSPOC
Bernama
7 Januari , 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia menghadiri Persidangan Speaker dan Yang Dipertua Dewan Negara-negara Komanwel ke-21 (CSPOC) di Port of Spain, Trinidad and Tobago bermula Sabtu hingga 12 Jan.

Pegawai Perhubungan Awam Kanan Parlimen Malaysia Tengku Nasaruddin Tengku Mohamed berkata persidangan itu dihadiri kira-kira 35 negara anggota Komanwel.

Kali terakhir persidangan dwitahunan CSPOC diadakan ialah di New Delhi, India pada 2010, katanya dalam kenyataan di sini.

"Penglibatan Parlimen Malaysia pada Persidangan CSPOC kali ini dijangka meningkat dan memperkukuh bidang kerjasama antara negara-negara anggota dalam meningkatkan institusi Parlimen," katanya.

Beliau berkata persidangan itu akan membincangkan empat perkara utama iaitu Peranan Diplomasi Parlimen dalam era globalisasi dan Akauntabiliti Eksekutif: Pemantauan Peranan Parlimen.

Ia juga akan membincangkan mengenai Kemunculan Cabaran Baru sebagai Speaker: Kepelbagaian parti, minoriti atau kerajaan campuran dan Perkhidmatan Parlimen dan Pengurusan: Memperkukuh Kebebasan Parlimen.

Pada persidangan itu, 'Regional Caucus Meetings' akan diadakan di antara Afrika, Asia, Australia/New Zealand, Kanada, Caribbean Amerika/Atlantik, India, Pasifik dan Tenggara Pasifik.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638555>